

PORTAL DINAMIK “MARRY ME”

Tuan Muhamad Amir bin Tuan Azmi

Dr Tengku Siti Meriam binti Tengku Wook

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Portal adalah pintu gerbang capaian maklumat dan interaksi pengguna dengan sistem. Terdapat banyak portal yang menyediakan maklumat dan perkhidmatan kepada bakal pengantin bagi melangsungkan majlis perkahwinan. Namun, portal yang sedia ada adalah bersifat statik kerana pengguna tidak dapat berinteraksi dengan pembekal serta capaian maklumat berbentuk imej dan teks yang pegun. Ini menyebabkan pengguna tidak dapat menvisual lokasi tempahan dan tidak mendapat maklumat awal anggaran kos mengikut pilihan pakej dan lokasi yang diinginkan. Oleh itu, projek ini membangunkan portal Dinamik “Marry Me” bagi mengatasi masalah yang dialami oleh setiap pasangan yang ingin melangsungkan majlis perkahwinan. Selain itu, portal dinamik ini juga menjadi pusat hentian gerbang perkahwinan bagi menyediakan semua keperluan dari segi perkhidmatan dan barangan yang diperlukan oleh mereka. Portal ini dibangunkan dengan fitur-fitur yang telah dikenal pasti melalui temubual dan pemerhatian desktop mengikut keperluan pengguna. Fitur tempahan dan bayaran secara dalam talian merupakan fitur yang penting bagi portal dinamik ini kerana sudah wujud portal yang iras seperti portal dinamik ini tetapi tidak mempunyai fitur seperti ini. Fitur ini dikatakan penting kerana ia sangat bersesuaian dengan perkembangan teknologi masa kini dan akan lebih memudahkan urusan bagi setiap

pasangan yang ingin mengadakan majlis perkahwinan mereka itu. Dengan adanya fitur ini, lebih banyak masa dan tenaga akan dijamin. Selain itu, portal dinamik “Marry Me” ini juga hadir dengan fitur tambahan seperti gambar dewan 360 darjah yang menggunakan teknologi realiti maya, penajaan sebut harga yang berlaku secara automatik di dalam talian, sesi perbualan diantara pengguna dan pembekal. Metodologi yang digunakan dalam pembangunan portal dinamik ini adalah Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC). Hasil daripada pembangunan portal dinamik ini, urusan bagi setiap pasangan yang ingin melangsungkan majlis perkahwinan mereka lebih mudah dan lebih sistematik.

Copyright@FTSM

1 PENGENALAN

Melangsungkan perkahwinan adalah idaman bagi setiap pasangan bercinta tetapi mengadakan majlis perkahwinan bukan satu kerja yang mudah. Urusannya amat rumit, terutamanya apabila tiada pengalaman mengendalikannya sebelum ini. Aturcara majlis perkahwinan yang hanya berlangsung sehari perlu disediakan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum majlis. Antaranya adalah persiapan bagi majlis perkahwinan mereka (Husin et al. 2016)

Setiap pasangan yang ingin mendirikan rumah tangga mengidamkan majlis yang penuh bermakna bagi menyambut penyatuan mereka itu. Terdapat portal yang sudah wujud dan boleh dilayari di laman sesawang yang dapat membantu pasangan ini. Portal-portal yang sedia ada itu menjadi platform bagi setiap pasangan di seluruh Malaysia untuk mencari keperluan dan perkhidmatan yang mereka perlukan bagi melengkapkan majlis perkahwinan mereka itu. Di dalam portal itu, segala keperluan seperti perkhidmatan katering, penempahan dewan dan hotel, jurufoto dan lain-lain.

Namun, portal yang sedia ada ini hanya memaparkan maklumat dan memerlukan pengguna itu sendiri menghubungi pembekal bagi mendapatkan perkhidmatan mereka perlukan. Hal ini menunjukkan bahawa tiada interaksi yang berlaku diantara pengguna dan pembekal di dalam portal tersebut. Selain itu, gambar dewan dan hotel yang ingin disewakan untuk majlis perkahwinan hanya gambar tetap dan ia menyukarkan pengguna untuk mendapat bayangan yang lebih terperinci.

Oleh itu, sebuah portal dinamik yang dikenali sebagai "Marry Me" telah dicadangkan untuk membantu dan menyelesaikan masalah di atas.

2 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan pemerhatian yang telah dijalankan, portal seperti ini sudah pun dibangunkan di Malaysia. Terdapat banyak pembekal telah berdaftar dengan portal tersebut. Namun, portal yang sedia ada ini hanya memaparkan maklumat tentang pembekal itu sahaja. Hal ini menyatakan bahawa portal yang sedia ada ini hanya terhad kepada pengiklanan produk mereka dan tiada fitur-fitur tambahan yang lain. Oleh itu, berikut adalah isu yang telah dikenal pasti melalui pemerhatian desktop terhadap 3 portal iaitu Kahwin Mall, Projek Kahwin dan Sarang hae yo.

- i. Portal yang sedia ada ini hanya memaparkan maklumat serta butiran pembekal yang berdaftar.
- ii. Hanya periklanan pembekal ditawarkan oleh portal yang sedia ada dan tiada transaksi secara dalam talian berlaku.
- iii. Portal yang sedia ada ini tidak mempunyai fitur-fitur tambahan yang dapat membantu pengguna untuk membuat transaksi secara dalam talian dan menjana sebut harga bagi setiap produk atau perkhidmatan yang telah dipilih.
- iv. Selepas kajian yang dilakukan pada portal yang sedia ada dibangunkan itu, tiada sesi perbualan secara langsung dilakukan. Portal itu hanya menyediakan ruangan komen dan maklum balas.
- v. Kebanyakan gambar dewan di dalam portal itu hanya memaparkan gambar tetap dan menyukarkan pengguna untuk mendapatkan gambaran suasana keseluruhan dewan tersebut.
- vi. Sebarang penempahan pada portal yang sedia ada itu memerlukan pengguna untuk menghubungi pembekal itu sendiri melalui aplikasi “Whatsapp” atau membuat panggilan terus kepada pembekal.

Daripada isu yang dikaji, pernyataan masalah dalam projek ini adalah tiada transaksi secara dalam talian, tiada penajaan sebut harga, tiada sesi perbualan secara langsung, tiada gambar 360 darjah untuk dewan dan hotel yang memberi tempahan dan tiada sistem penempahan secara dalam talian pada portal yang sedia ada.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif utama projek ini adalah untuk membangunkan portal dinamik untuk kegunaan bakal pengantin dalam pembelian barangan dan juga mendapatkan perkhidmatan untuk majlis perkahwinan mereka. Selain itu, portal dinamik ini dibangunkan bertujuan untuk:

- i. Mengenal pasti keperluan pengguna dan fitur untuk membangunkan portal dinamik.
- ii. Mereka bentuk dan membangunkan portal mengikut modul-modul dan fitur dalam fitur berdasarkan keperluan pengguna.
- iii. Menjalankan pengujian kebolegunaan terhadap portal yang dibangunkan.

4 METODOLOGI

Dalam membangunkan projek ini, metodologi yang digunakan adalah Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC). Dalam metodologi ini, terdapat beberapa fasa yang terlibat. Secara asasnya, metodologi SDLC akan dijalankan seperti berikut:



Rajah 4.0 Kitaran Pembangunan Perisian

Rajah 4.0 menunjukkan model pembangunan yang digunakan untuk membangunkan Portal Dinamik “Marry Me”.

4.1 FASA PERANCANGAN

Pada fasa perancangan ini, pemerhatian desktop akan dijalankan terhadap portal-portal yang telah dibangunkan bagi mengenal pasti isu yang terdapat pada portal-portal tersebut. Isu-isu yang telah dikenal pasti itu akan dikumpulkan dan kajian serta analisis akan dijalankan pada fasa seterusnya. Selain itu, objektif dan skop projek ini juga akan dijalankan dalam fasa perancangan ini.

4.2 FASA ANALISIS

Fasa analisis ini melibatkan kajian terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti dan juga berkaitan dengan keperluan pengguna. Fitur-fitur baharu akan dicadangkan dan dibangunkan berdasarkan kajian dan analisis terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti melalui pemerhatian desktop dan keperluan pengguna yang diperoleh melalui temubual bersama pengguna. Analisis ini dijalankan agar dapat mengatasi isu-isu yang telah dikenal pasti.

4.3 FASA REKA BENTUK

Fasa reka bentuk adalah merupakan salah satu fasa yang terpenting dalam metodologi ini. Pada fasa ini, reka bentuk portal akan dijalankan adalah seperti merekabentuk gambar rajah konteks, rajah kes guna, rajah aktiviti, reka bentuk seni bina, reka bentuk pangkalan data, reka bentuk papan cerita dan reka bentuk antara muka.

4.4 FASA IMPLEMENTASI

Pada fasa implementasi ini, proses mengaplikasikan atucara bahasa Javascript bagi membolehkan portal ini dapat berjalan dengan lancar dan baik. Selain itu, mengimplementasi antara muka dan fungsi portal menggunakan bahasa pengaturcaraan dan reka bentuk yang telah ditetapkan.


4.5 FASA PENGUJIAN

Fasa pengujian ini adalah merupakan fasa terakhir bagi metodologi Kitaran Hayat Pembangunan Sistem (SDLC) ini. Pada fasa ini, pengujian kebolehgunaan terhadap portal dinamik "Marry ME" yang akan dibangunkan ini akan dijalankan. Pengujian terhadap portal ini dijalankan bagi mengetahui sama ada portal ini dapat berfungsi dengan baik atau sebaliknya.

5 HASIL KAJIAN

Bahagian ini menerangkan reka bentuk bagi Portal Dinamik “Marry Me” dengan lebih mendalam serta membincangkan hasil yang didapati daripada proses pembangunan portal tersebut. Dalam projek ini, fasa reka bentuk merupakan fasa yang terpenting bagi proses pembangunan portal. Hal ini demikian kerana aplikasi ini memerlukan pelan reka bentuk yang terperinci agar aplikasi ini dapat dibangunkan dengan lancar dan berfungsi seperti yang diinginkan.

Seni bina model *client-server* telah digunakan dalam pembangunan porta dinamik tersebut. Hal ini demikian kerana seni bina model *client-server* tidak akan memperlahankan kecekapan perkakasan *client* yang berkapasiti terhad seperti perkakasan mudah alih kerana maklumat-maklumat yang banyak dan bersaiz besar tidak akan disimpan dalam perkakasan tersebut. Selain itu, seni bina model *client-server* dapat memastikan semua maklumat tidak akan dihilangkan atas kehilangan ataupun kerosakan perkakasan kerana maklumat-maklumat adalah disimpan dalam *server* dan hanya dapat dicapai, diuruskan dan dikemas kini oleh pengguna sendiri ataupun vendor sahaja. Rajah berikut menunjukkan gambaran keseluruhan bagi aliran kerja Portal Dinamik “Marry Me”.




Rajah 5.0 Rajah keseluruhan bagi aliran kerja Portal Dinamik “Marry Me”

Rajah 5.0 telah menunjukkan rajah keseluruhan bagi aliran kerja Portal Dinamik “Marry Me”. Dalam rajah tersebut, seni bina model *client-server* dapat dilihat dan model ini akan digunakan untuk semua fungsi-fungsi yang dibangunkan bagi aplikasi tersebut. Terdapat lima fitur utama telah dibangunkan bagi Portal Dinamik “Marry Me”, antaranya adalah:



- a) Penjanaian Sebut Harga
- b) Penempahan Secara Dalam Talian
- c) Pembayaran Secara Dalam Talian
- d) Perbualan Secara Langsung

e) Paparan Gambar 360 Darjah

Selain itu, reka bentuk antara muka telah dijalankan bagi fungsi-fungsi tersebut. Reka bentuk antara muka adalah sangat penting dalam pembangunan sesebuah sistem ataupun portal. Hal ini demikian kerana antara muka portal merupakan satu perhubungan antara pengguna dan portal. Oleh hal yang demikian, antara muka yang direka cipta harus baik dan mesra kepada pengguna kerana ia dapat memastikan penggunaan yang berterusan daripada pengguna. Berikut merupakan antara muka awal bagi fungsi-fungsi yang telah dibangunkan dalam Portal Dinamik “Marry Me”.



Rajah 5.1 Antara Muka Halaman Utama




Rajah 5.2 Antara Muka Daftar Ahli


Add Your Profile & Services Information
Fill your personal & business information

The image shows a 'SERVICE FORM' for vendor registration. It contains several input fields: 'Name' (with sub-fields for 'First Name' and 'Last Name'), 'Phone No.', 'Whatsapp', 'No. Fax', 'Email', 'Address', 'Postcode', 'City', and 'State' (a dropdown menu).


Rajah 5.3 Antara Muka Borang Pendaftaran Vendor




Rajah 5.4 Antara Muka Papan Pemuka Vendor




Rajah 5.5 Antara Muka SHOPS




Rajah 5.6 Antara Muka Profil Vendor



Rajah 5.7 Antara Muka Profil Vendor (Sambungan)



Rajah 5.8 Antara Muka Ruang Perbualan



Rajah 5.9 Antara Muka Penempahan

The screenshot shows the 'Payment' section of the 'Marry Me' website. It features a 'Customer Information' form with the following fields: Name (Full Name), Phone No (Phone No), Date, Address, Postcode, City, and State. The website header includes the 'Marry Me' logo and navigation links for Home, Sales, Shops, Tentang Kami, and a search icon.

Rajah 5.10 Antara Muka Pembayaran

This screenshot shows the 'Payment' page with pre-filled information. The 'Customer Information' section includes: Name: TUAN AMIR TUAN AZM, Phone No: 019724171, Event Date: 2020/05/20 06:05, Address: UKM, 43000, 44202, Selangor, and a note: 'Sewa bujukan yang terbaik dari jidi spakat'. The 'Package' section shows 'Package: Pakaji' and 'Detail: Kad undangan perkahwinan 1000pcs'. The 'Bank Details' section shows 'Bank Name: Maybank' and 'Account No: 13602384742'. A 'Choose File' button is visible next to a placeholder image.

Rajah 5.11 Antara Muka Pembayaran (Sambungan)

6 KESIMPULAN

Kesimpulannya, Portal dinamik ini telah direka bentuk dan dibangunkan berdasarkan keperluan pengguna dan fitur-fitur yang telah dikenal pasti. Pengujian kebolegunaan terhadap portal dinamik ini juga telah dilakukan. Dengan pembangunan portal dinamik “Marry Me” ini objektif yang telah dikenal pasti akan dicapai. Semua fitur yang bakal

dibangunkan adalah untuk membantu bakal pengantin yang akan melangsungkan majlis perkahwinan mereka. Selari dengan peredaran arus teknologi masa kini, penggunaan transaksi secara dalam talian merupakan keperluan bagi semua pengguna kerana banyak faedahnya. Selain itu, dengan wujudnya fitur-fitur khas ini ianya akan memudahkan segala urusan bakal pengantin yang sibuk dengan kerja seharian mereka. Hal ini disebabkan, portal ini akan mengumpulkan semua pembekal dan pembekal ini akan mengiklankan perkhidmatan mereka serta pengguna mampu berinteraksi secara terus hanya melalui portal ini tanpa perlu menggunakan medium lain seperti “Whatsapp” dan lain-lain. Portal dinamik “Marry Me” ini akan menjadi satu persinggahan yang penting bagi setiap pasangan yang akan melangsungkan perkahwinan mereka kerana portal ini telah dibangunkan mengikut segala keperluan pengguna.

7 RUJUKAN

- [1] Cyberchimps, What Is An E-Commerce Website & How To Build One [Online]. Available: <https://cyberchimps.com/e-commerce-websites/> [Accessed: 01-Jan-2020].
- [2] Kahwin Mall, “Kahwin Mall” [Online]. Available: <https://www.kahwinmall.com/index.php?> [Accessed: 12-Nov-2019].
- [3] Jason Parks, “Steps to Building a Successful Ecommerce” [Online]. Available: <https://www.entrepreneur.com/article/284175> [Accessed: 30-Oct-2019].
- [4] Wikibooks, “The Computer Revolution/E commerce/Online Banking | Wikibooks.” [Online]. Available: https://en.wikibooks.org/wiki/The_Computer_Revolution/E_commerce/Online_Banking [Accessed: 03-Oct-2018].
- [5] SenangPay, “The Easiest Way to Accept Online Payments” *SenangPay*. [Online]. Available: <https://senangpay.my/> [Accessed: 02-Feb-2020].
- [6] Sarah Cavill, “Data-Based Ecommerce Solutions Take Over The Wedding Market”

Digital Media Solutions [Online]. Available:

<https://insights.digitalmediasolutions.com/articles/wedding-dresses-tuxedos-e-commerce>. [Accessed: 04-Oct-2020].

Copyright@FTSM